


BAB KEENAM

PENUTUP



BAB KEENAM

PENUTUP

6.1 Pengenalan

Antara objektif kajian ini ialah untuk melihat hubungan antara Kitab Perubatan Melayu MS 33 dengan manfaat tumbuhan Zingiberaceae dari perspektif perubatan tradisi dan moden. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis aplikasi tumbuhan Zingiberaceae dalam merawat penyakit masyarakat melayu pada abad ke-19 (1872M) sebagaimana yang tercatat dalam manuskrip Kitab Perubatan Melayu MS 33. Bab ini akan membincangkan dapatan-dapatan yang telah diperolehi daripada kajian yang dijalankan daripada perspektif keseluruhan kajian dan dapatan-dapatan berkaitan yang telah diperolehi daripada kajian lalu. Selain itu bab ini juga akan mengetengahkan beberapa cadangan dan saranan yang mungkin boleh diberikan pertimbangan terhadap kajian-kajian dalam bidang berkaitan berdasarkan limitasi kajian yang dipaparkan.

6.2 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa tumbuhan daripada keluarga Zingiberaceae mempunyai manfaat dan sumbangan yang besar dalam bidang perubatan. Sepertimana yang kita sedia maklum, keluarga Zingiberaceae merupakan tumbuhan herba yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu, India dan Cina³⁷⁰. Penilaian kajian dalam Kitab Perubatan Melayu MS 33 mendapati bahawa keluarga Zingiberaceae antara tumbuhan yang kerap digunakan dalam merawat

³⁷⁰ Indu, Bala Jaganath & Lean Teik Ng (2000), Herbs: The Green Pharmacy of Malaysia, Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI).

penyakit pada ketika itu³⁷¹. Keadaan ini menunjukkan potensi tumbuhan herba daripada keluarga Zingiberaceae sebagai ubatan terapeutik dari tradisi perubatan Melayu dalam merawat penyakit sangat besar kerana permintaan ubatan yang paling mudah, cepat dibangunkan dan berkesan sangat diutamakan.

Dalam Kitab Perubatan Melayu MS 33, terdapat 11 jenis tumbuhan herba daripada keluarga Zingiberaceae iaitu Halia (Zingiber Officinale Roscoe), Lempoyang (Zingiber Zerumbet (L.) Roscoe), Cekur (Kaempferia Galanga), Kunyit (Curcuma Longa), Lengkuas (Alpinia Galanga), Temu Kunci (Boesenbergia Pandurata), Temu Putih/Temu Kuning (Curcuma Zedoaria), Temulawak (Curcuma Xanthorrhiza), Temu Hitam (Curcuma Aeruginosa), Halia Bara (Zingiber Officinale Var Rubrum) dan Bonglai (Zingiber Cassumunar). Hubungan antara setiap tumbuhan herba ini saling melengkapi dari aspek fungsinya. Kebanyakan formulasi dalam MS 33 bersifat polifarmasi atau campuran banyak bahan yang mana pengkaji mendapati setiap preskripsi pasti ada dua atau lebih tumbuhan herba daripada keluarga Zingiberaceae dalam merawat penyakit³⁷². Selain itu, hasil kajian terhadap fungsi tumbuhan Zingiberaceae juga mendapati tumbuhan ini ada memberikan tindak balas yang sama untuk sebahagian penyakit seperti bersifat antioksidan, analgesik dan antiradang yang diperolehi dari ekstrak rizom.

³⁷¹ Muhammad Salleh bin Ahmad Penambang. 1872. Kitab Ilmu Perubatan MS 33. Kuala Lumpur: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka. Diakses melalui Perpustakaan Universiti Malaya. <http://spcats.umlib.um.edu.my/mymanuskrip>.

³⁷² Nurulwahidah Fauzi, Khadher Ahmad, Wan Noor Azila (2019), Penyakit Demam Dalam Perspektif Hadith Dan Manuskrip Pengubatan Melayu [Kitab Bermacam-Macam Khasiat]: Satu Analisis, Universiti Malaya: Al-Bayan Journal Of Quran and Hadith Studies 17:118.

Dapatan-dapatan kajian ini diperoleh secara langsung dengan meneliti sampel dari sumber premier iaitu Kitab Perubatan Melayu MS 33 yang berusia 154 tahun yang mana dicatat selesai disalin pada 1288H oleh Muhammad Salleh bin Ahmad Penambang. Walaupun manuskrip MS 33 ini setebal 491 folio, namun untuk kajian ini pengkaji hanya menyoroti MS 33 bermula dari folio 30b sehingga folio 150b kerana bahagian ini banyak membincangkan herba keluarga Zingiberaceae dalam merawat penyakit. Selain itu, pemilihan Kitab Ilmu Perubatan MS 33 sebagai sampel utama kerana ia merupakan salah satu warisan ilmu perubatan masyarakat Melayu yang hampir lengkap dari aspek pernyataan maklumat, cara rawatan menggunakan herba daripada keluarga Zingiberaceae dan susunan perbincangan sangat sistematik yang mana setiap fasal disertai fahrasat yang membantu memudahkan rujukan seperti ‘Bab ubat’, ‘Fasal ini’, ‘Bab ini fasal 47’ dan ‘afiat’.

Antara faktor utama penulis menyoroti tumbuhan herba daripada keluarga Zingiberaceae yang menjadi fokus dalam kajian ini kerana signifikan perkataan halia yang disebut dalam surah al-Insan ayat 17 iaitu perkataan “زَنْجَبِيلًا” (*zanjabil*). Hal ini jelas menunjukkan halia daripada keluarga Zingiberaceae mempunyai manfaat dan kelebihan yang perlu dikaji dan diterokai. Selain itu, tumbuhan keluarga Zingiberaceae ini sangat mudah dijumpai di kawasan tropika khususnya di Asia Tenggara yang mana ianya sangat popular penggunaannya di kalangan masyarakat Melayu sama ada sebagai ubatan ataupun makanan. Jika diteliti 11 jenis herba keluarga Zingiberaceae ini mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri sama ada sebagai ubat, wangian dan pewarna. Sebagai contoh, untuk ubatan, masyarakat menggunakan halia, cekur, temulawak dan halia bara dan untuk wangian, lempoyang digunakan.

Manfaat 11 jenis herba daripada keluarga Zingiberaceae ada dibincangkan di bahagian Bab 2 dan Bab 4, yang mana jelas menunjukkan ada titik pertemuan manfaat herba ini dari kaca mata perubatan tradisi dan kajian saintifik. Dalam mencari kesinambungan antara perubatan tradisi dan perubatan moden, pengkaji melombong data dari Kitab Ilmu Perubatan MS 33 melalui kaedah tinjauan bahan (bioprospek) dan tinjauan nilai saintifik. Seterusnya melalui data yang diperolehi, pengkaji menganalisis kekerapan penggunaan herba daripada keluarga Zingiberaceae dalam merawat penyakit dan kaedah rawatan yang digunakan. Manakala untuk tinjauan nilai saintifik, pengkaji merujuk laporan-laporan terkini yang telah dilakukan terhadap 11 jenis herba daripada keluarga Zingiberaceae untuk melihat potensi tumbuhan terpilih ini sebagai ubat berdaya maju dan cepat dibangunkan.

Menilai mengenai manfaat dan keberkesanan herba daripada keluarga Zingiberaceae ini, Kitab Perubatan Melayu MS 33 mempunyai latar struktur karya perubatan yang amat dekat dengan masyarakat pada waktu itu. Perbincangan dalam MS 33 meliputi perbincangan hal ehwal penyakit yang tular dalam hidup masyarakat, simptom-simptom, ramuan ubatan (materia medika) yang digunakan sebagai preskripsi rawatan, campuran rawatan Islam dan ilmu perbomohan³⁷³. Perkembangan ilmu perubatan tradisi ini terjadi apabila berlaku penularan penyakit tropika iaitu penyakit berjangkit mengikut budaya setempat masyarakat seperti penyakit beri-beri, malaria dan penyakit usus (khususnya desenteroi)³⁷⁴. Rentetan daripada peristiwa ini, masyarakat Melayu telah bertindak mengambil inisiatif di dalam menangani penyakit tropika

³⁷³ A. Samad Ahmad (1982), Warisan Perubatan Melayu, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia.

³⁷⁴ Noraini Mohamed Hassan (2008), Penyakit Tropika di Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896-1914, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, xiv.

melalui sistem rawatan kesihatan yang sistematik, yang mana ia diperlihatkan melalui penulisan manuskrip perubatan seperti Kitab Perubatan Melayu MS 33.

Secara umumnya, Kitab Perubatan Melayu MS 33 dipecahkan kepada beberapa tajuk besar iaitu perubatan rakyat Melayu, perubatan tradisional, perubatan tradisi dan kepercayaan Melayu. Manuskrip ini juga membincangkan beberapa mantera dari kepercayaan agama Hindu dan menyalahi ajaran agama Islam yang terpaksa ditinggalkan. Selain itu, antara rawatan penyakit yang dibahaskan ialah penyakit kepalu, demam, balgham, sakit tekak, restung, penyakit angin, buasir, kurap dan penyakit berkaitan wanita.³⁷⁵ Dalam MS 33 ada menyenaraikan kaedah rawatan menggunakan flora dan fauna. Antara jenis herba yang digunakan ialah halia, kunyit, bonglai, lada hitam, jintan hitam, daun sembur dara, cekur, lempoyang, daun sirih, buah pala, biji sawi, daun inai, daun saga dan sebagainya. Manakala, fauna yang digunakan terdiri daripada hempedu harimau, hempedu sawa, gading gajah, tanduk rusa dan sebagainya. Manusia yang biasa dengan persekitaran alam semula jadi, dapat mengenali dan membezakan segala jenis herba yang boleh dijadikan ubat yang berkesan atau yang mengandungi racun dengan cara memerhati dan mengambil tahu akan tumbuh-tumbuhan yang lazim dimakan oleh binatang.³⁷⁶

Melalui perbincangan di atas, kelihatannya manfaat tumbuhan daripada keluarga Zingiberaceae dalam Kitab Perubatan Melayu MS 33 memberi impak yang positif dalam bidang sastera melayu, sains dan farmakologi. Berdasarkan kepada manfaat keluarga Zingiberaceae dalam perubatan tradisi yang dikemukakan di atas, maka jelas

³⁷⁵ A. Samad Ahmad (1982), Warisan Perubatan Melayu, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, vii, viii.

³⁷⁶ *ibid.* xv.

dan terbukti apabila secara saintifiknya Zingiberaceae mempunyai fungsi antioksidan, anti-radang, antibakteria, *stimulant* (perangsang), analgesik dan sebagainya yang telah dibincangkan dalam bab kelima.

Analisis terhadap fungsi saintifik yang dijalankan terhadap tumbuhan dari keluarga Zingiberaceae ini memperlihatkan bahawa sifat antiradang mampu mengurangkan suhu badan apabila demam, sifat antioksidan mampu mencegah kerosakan yang berpunca dari proses pengoksidan, sifat analgesik sebagai ubat tahan sakit, sifat hipoalgesik membantu meredakan keradangan otot, antinosisseptif mengurangkan rasa sakit, sifat antiagregan menghalang proses pengumpulan sel darah, sifat antiparasit sebagai agen yang membunuh parasit penyebab penyakit dan sifat antitumor yang merencat pembentukan sel-sel baharu serta menghalang proses pembentukan tumor. Maka, jelaslah hipotesis pengkaji yang herba daripada keluarga Zingiberaceae boleh dikategorikan sebagai bahan aktif dalam ramuan ubatan, selain herba ini sangat mudah, cepat dibangunkan dan berkesan dalam merawat penyakit.

6.3 Cadangan Dan Saranan

Terdapat beberapa cadangan dan saranan yang boleh diutarakan oleh penyelidik berkenaan dengan analisis tumbuhan herba daripada keluarga Zingiberaceae dalam Kitab Perubatan Melayu MS 33, seperti mana berikut:

- i. Sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan potensi tumbuhan herba yang ada di negara kita, perlu ada upaya penyelidikan dan penerokaan tumbuhan herba selain daripada keluarga Zingiberaceae yang ada dicatatkan dalam MS 33. Masih terdapat

lebih dari 100 jenis herba daripada pelbagai jenis keluarga yang digunakan dalam merawat penyakit.

- ii. Meskipun disertasi ini mengkaji dan menganalisis kegunaan dan manfaat tumbuhan herba dalam Kitab Perubatan Melayu MS 33, tetapi fokus kajiannya hanyalah di ruang lingkup herba daripada keluarga Zingiberaceae sahaja. Maka, penyelidik mencadangkan agar kajian yang lebih meluas dilakukan oleh generasi akan datang menyentuh mengenai penyiasatan penyakit dan kajian epidemiologi³⁷⁷ yang disebut dalam manuskrip MS 33.
- iii. Di samping itu, dicadangkan agar kajian akan datang juga meneliti mengenai kaedah rawatan yang dicatat dalam manuskrip dan kerelevanan penggunaan kaedah yang sama dalam merawat penyakit.
- iv. Lebih daripada itu, dicadangkan kepada institusi pengajian tinggi awam dan pihak penyelidik agar mewujudkan banyak geran-geran penyelidikan agar penyelidikan yang berkaitan dengan manuskrip perubatan Melayu dapat diperluaskan lagi pada masa-masa akan datang. Rasionalnya adalah untuk memperbolehkan segala fakta dan data berkaitan dengan manuskrip perubatan Melayu dapat disimpan di dalam bentuk dokumen bagi memudahkan generasi pembaca.
- v. Sementara itu, penyelidik juga menyarankan agar hasil kajian yang diperolehi mampu dijadikan perkongsian ilmu dan menambah input di dalam skop sejarah dan sastera Melayu.

³⁷⁷ Kajian tentang faktor yang mempengaruhi kesihatan dan ketidaksihatan suatu populasi dan berperanan sebagai asas yang dibuat untuk kepentingan kesihatan awam dan perubatan pencegahan. Rujuk n.a (2012), Farlex Partner Medical Dictionary (2012), diakses 12 October 2020 dari <https://medical-dictionary.thefreedictionary.com/epidemiology>